

Kastam tingkat kemahiran kesan tingkah laku, riak mencurigakan

Program NLP perkausa usaha jabatan banteras kegiatan penyeludupan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) melatih pegawai-nya di lapangan dengan kemahiran 'membaca bahasa badan dan riak wajah' dalam usaha memantapkan penguatkuasaan dan kutipan cukai.

Ketua Pengarah KDRM, Datuk Anis Rizana Zainudin, berkata menerusi program 'Neuro Linguistik Programming' (NLP) itu, seramai 30 pegawai pelbagai gred perkhidmatan sehingga ini diberi kemahiran mengesan tingkah laku mencurigakan melalui gerak badan dan riak wajah.

Katanya, kursus dilaksanakan pada 19 hingga 22 Ogos lalu itu akan diteruskan dalam usaha jabatan membanteras aktiviti penyeludupan.

"Peserta yang menghadiri kursus membabitkan pelbagai bidang, sektor dan perjawatan dari seluruh negara," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Kastam Putrajaya di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anis Rizana memaklumkan KDRM memperolehi 40 mesin pengimbas bagasi moden berkeupayaan tinggi dilengkapi teknologi kecerdasan buatan (AI).

Menurutnya, mesin pengimbas



Anis Rizana (lima dari kanan) menunjukkan carta pencapaian kutipan hasil dan kes penguatkuasaan Kastam Diraja Malaysia sepanjang 2024 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ini mampu mengenal pasti barangan dalam tempoh 20 hingga 30 saat dengan ketepatan 100 peratus, sekali gus meningkatkan kecakapan operasi KDRM serta memperkukuh kawalan sempadan serta keselamatan negara.

Katanya, mesin pengimbas ini ditempatkan di semua pintu masuk seluruh negara.

"Pelbagai kes telah dikesan menerusi mesin pengimbas ini antaranya dadah, rokok dan minuman keras," katanya.

Dalam pada itu Anis Rizana menjelaskan, KDRM melaksanakan pemeriksaan 100 peratus ke

atas dagangan import dan eksport dengan memanfaatkan teknologi pengimbasan berasaskan AI.

Kutip RM65.67b pada 2024

Pada tahun lalu, katanya KDRM merekodkan kutipan hasil tertinggi sebanyak RM65.67 bilion pada 2024, iaitu peningkatan 18.85 peratus berbanding RM55.17 bilion tahun sebelumnya.

Katanya, hasil itu juga melepasi unjuran hasil semakan semula Kementerian Kewangan iaitu RM61.17 bilion tahun lalu.

Beliau berkata ia adalah jumlah tertinggi pasca pandemik hasil usaha jabatan memperkukuh kutipan hasil negara menerusi pemerkasaan penguatkuasaan, pematuhan cukai dan inisiatif digitalisasi.

Bagi tahun ini, katanya Kastam menasaskan kutipan RM67.25 bilion sebagaimana ditetapkan Kementerian Kewangan dalam Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025.

Dalam pada itu, katanya, Kastam merampas 1,697 unit pelbagai jenis kenderaan bernilai

RM176.42 juta dengan jumlah cukai RM134.8 juta yang direkodkan sepanjang 2024.

Katanya, rampasan kenderaan adalah ketiga tertinggi selepas rampasan rokok membabitkan 2,535 kes (605,218 juta batang) berjumlah RM93.1 juta dengan jumlah cukai RM399.5 juta.

"Minuman keras pula menjadi rampasan kedua tertinggi iaitu 1,045 kes (3.3 juta liter) bernilai RM30.9 juta bersamaan nilai cukai RM98.8 juta," katanya kepada pemberita pada sidang media di Dewan Semarak Jati di Ibu Pejabat KDRM di sini, semalam.